

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam membantu golongan nelayan di Malaysia agar sektor perikanan negara mampu untuk mencatatkan sumbangan yang lebih besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, pengeluaran sektor perikanan di Malaysia disumbangkan oleh 1.87 juta tan metrik bagi ikan makan, 287.5 juta ekor bagi ikan hiasan dan 51.7 juta ikat bagi tumbuhan akuatik dengan nilai RM15.26 bilion secara keseluruhan. Dalam tahun yang sama, sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi sub sektor perikanan kepada pertanian adalah sebanyak 12% manakala sumbangan KDNK kepada negara sebanyak 0.9%.

2. Dalam memastikan sektor perikanan negara mencatatkan sumbangan yang lebih besar kepada KDNK negara, Kementerian sedang merangka Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Pelan Pembangunan Perikanan Negara (2021- 2030). Kedua-dua pelan jangka panjang ini, merangkumi dasar dan pelan strategik untuk transformasi sektor perikanan negara secara holistik dengan memberi tumpuan kepada pendekatan baharu serta penambahbaikan secara berterusan.

3. Strategi jangka panjang yang dirangka oleh Kementerian untuk memodenkan industri perikanan dan membantu golongan nelayan adalah seperti berikut:

- i. Program pemodenan vesel penangkapan ikan untuk menggalakkan pengusaha vesel persisir pantai untuk pergi lebih jauh (laut dalam) dan meningkatkan pendaratan ikan dalam negara. Penggunaan teknologi akan diperkukuhkan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti aktiviti penangkapan ikan;
- ii. Pembangunan industri akuakultur bagi mengurangkan kos input perikanan, kebergantungan terhadap benih import dan menggalakkan ternakan spesies ikan bernilai tinggi serta pelaburan swasta berasaskan teknologi tinggi akan

diperkukuhkan selaras dengan gelombang revolusi industri 4.0 (IR4.0);

- iii. Memperkasakan pembangunan modal insan belia khususnya nelayan tempatan melalui penyediaan modul latihan berkaitan pengoperasian penangkapan ikan dan pengoperasian vesel akan diwujudkan bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga kerja asing;
- iv. Pembangunan industri perikanan di sepanjang rantai nilai pemasaran ikan (*fisheries value chain*) akan dibangunkan bagi memendekkan rantai nilai seterusnya menstabilkan pendapatan nelayan serta harga ikan di pasaran;
- v. Menggalakkan lebih banyak bank komersial untuk menawarkan kemudahan kredit pada kadar faedah yang rendah bagi tujuan menarik minat golongan nelayan untuk terlibat dalam industri ini (*business friendly eco-system*); dan
- vi. memperkasakan kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedia ada dengan mempertingkatkan kemudahan asas dan memperkenalkan SOP baharu yang mengutamakan pengendalian pendaratan hasil ikan berkualiti dan selamat selaras dengan piawaian di peringkat antarabangsa seperti pelaksanaan *Port State Measures*.

Sekian, terima kasih.